

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIRATAN
MALAYSIA BIL. 4/97**

BULETIN IMR (IMR Quarterly Bulletin)

1. TUJUAN

Tujuan Pekeliling ini ialah untuk memaklum serta menggalakkan penggunaan Buletin IMR didalam penyebarluasan secara cepat hasil penyelidikan atau kajian lain yang mungkin berguna bagi para pengurus program didalam merancang serta merangka dasar, program kawalan dan pengurusan pesakit.

2. LATAR BELAKANG

Banyak projek penyelidikan dan kajian lain telah dijalankan oleh kakitangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) keatas berbagai aspek pengurusan kesihatan, termasuk pencegahan, peningkatan dan perawatari kuratif, penyelidikan sistem kesihatan, ekonomi kesihatan, kajian sosioperilakun dan lain lain. Hasil dari kajian tersebut yang mungkin telah melibatkan banyak waktu dan tenaga para pegawai yang menjalankannya, mungkin sangat berguna unruk merancang dan merangka strategi bagi program kawalan, pengurusan pesakit serta penyediaan aspek lain dari pengurusan kesihatan. Walaupun sebahagian dari hasil tersebut ditulis dan akhirnya diterbitkan, kebanyakan dari hasil penyelidikan yang penting ini tidak direkodkan atau tidak dapat dengan mudah diperolehi oleh pengurus program. Hasil penyelidikan yang telah diterbitkan pun tidak mudah didapatkan kerana rencana tersebut mungkin diterbitkan didalam salah satu dari pelbagai jurnal perubatan atau jurnal yang lain.

Buletin IMR, diterbitkan seriap suku tahun oleh Institut Penyelidikan Perubatan sejak 10 tahun kebelakangan, mempunyai edaran yang luas terutama dikalangan para doktor dan profesional kesihatan yang lain di Malaysia. Matlamat Buletin IMR diterbitkan ialah untuk menyebarluaskan secara segera kepada para profesional kesihatan diatas, penemuan baru yang penting dari penyelidikan serta kajian lain, terutama hasil dari kajian tempatan, yang mungkin mempunyai impak yang bererti keatas pelaksanaan pengurusan kesihatan di Malaysia. Disamping itu, jurnal ini juga mengandungi rencana ringkasan semula kearas kemajuan perubatan mutakhir yang penting.

3. PERATURAN DAN GARIS PANDUAN

Para pegawai KKM yang telah selesai menialankan penyelidikan atau kajian yang lain dan merasakan bahawa hasil dari kajian tersebut mungkin mempunyai impak yang bererti keatas dasar, perancangan program kawalan, strategi - atau penyediaan pengurusan kesihatan, digalak mengemukakan penulisan mengenai penemuan yang seumpama untuk diterbitkan didalam Buletin IMR. Rencana tersebut boleh merupakan kepanjangan dari abstrak arau didalam bentuk kertas kerja yang lengkap. Abstrak dari kerraskerja yang telah diterbitkan sebelumnya juga boleh dikernukakan, Artikel unruk penerbitan hendaklah dikemukakan melalui Pengarah Kesihatan Negeri/Institut/Program kepada Pengarah, Institut Penyelidikan Perubatan. Jika terdapat keadaan dimana adalah lebih bermanfaat untuk dimuatkan sesuatu tajuk khas, seperti, "Penyelidikan Kesihatan Alam Sekitaril untuk mengisi keseluruhan dari sesuatu keluaran, maka Pengarah Kesihatan Negeri/Institusi/Program hendaklah menghubungi dan membincangkannya dengan Pengarah, Institut Penyelidikan Perubatan.

PERTANYAAN

Segala pertanyaan mengenai pekeling ini hendaklah dikemukakan kepada

**Pengarah,
Institut Penyelidikan Perubatan,
Jalan Pahang,
50588, Kuala Lumpur.**

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,

(TAN SRI DATO' DR ABU BAKAR BIN SULEIMAN)

**Ketua Pengarah Kesihatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia.**

s.k.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)